

**Tumbuh *Menjadi*
Pohon Sakura**
Kumpulan Cerpen

Cerekayasa adalah *imprint* **Kawah Buku** yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.

*Untuk umi, mak T & guru-guru di Al-Irshad—
terima kasih kerana kerana mengajar saya tentang
kemerdekaan diri ...*

Tumbuh *Menjadi* Pohon Sakura

Kumpulan Cerpen

Nur Adilla



Cetakan Pertama 2024

Hak cipta tulisan © Nur Adilla

Hak cipta penerbitan © Kawah Buku

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Cerekayasa, sebuah imprint Kawah Buku

(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26405-9-2

Susunan dan suntingan oleh Qurratul 'Ain

Bacaan semak oleh Azan Safar dan Ruhan Shahrir

Tataletak dan atur huruf oleh Iskandar Kamel

Ilustrasi kulit buku oleh Syaza Suraini, pengasas Malaysia Learning Spaces (MLS).

Lukisan adalah berdasarkan pengalaman pelukis yang baru pulang dari Fukui ㊦ Gunung Fuji Satsuma di Kagoshima, berdekatan tempat manuskrip buku ini mula dibentuk. Pelukis adalah kawan baik penulis sedari sekolah rendah.

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Perusahaan Tukang Buku

Isi Kandungan

<i>Nota Penyunting</i>	ix
<i>Prakata</i>	xv
Bapak Mati Bunuh Diri	1
Saudade	16
Cik Nour	30
Pisau Siang Ikan	43
Ke Lautan Cinta	52
Setelah Mencintai Tiga Lelaki, Saya Memilih Suami	63
Amna Machiavelli	82
Fazri Fansuri	96
Parlimen	111
Renek-renek Hujan	121
Surat untuk Nurteja	135
Surat untuk Nuraiyshah	147
Yang Teristimewa	157
Kala Hujan Ini	174
Kematian Tumbuh menjadi Pohon Sakura	189
<i>Di Se-balik Cerita</i>	205

Nota Penyunting

Menyusun kumpulan cerpen adalah suatu seni. Suatu kemahiran yang tidak ada rumus tetap. Penyunting melatih dirinya tidak sekadar ketertiban dan kekemasan bahasa, tetapi kebolehan menangkap naratif, esensi dan kekuatan serta kelemahan sesuatu karya. Ia pelajaran yang tidak akan habis bagi seorang penyunting. Setiap manuskrip adalah tauladan. Begitulah, saya belajar banyak tentang penulis melalui kerja menyunting, menyusun dan menyelenggara hingga ia wajar diterbitkan. Dalam kumpulan cerpen ini, ia tidak semata-mata teks. Saya harus tahu siapa Nur Adilla secara individu dan pengalaman hidupnya. Siapa beliau sebagai profesi penulis, pengkritik, dan pembaca. Suntingan bukan kerja solitari atau terbatas dalam ruangan teks, Microsoft Word; ia puluhan e-mel yang saling bertukar, mesyuarat, dan kutip biografi penulis. Ia mirip kerja bersosial; dan mengenali Nur Adilla dengan sedikit dekat, saya cerap ‘suara’nya dalam cerpen. Baru saya dapat susun satu per satu. Itulah seni yang masih saya belajar dan tekuni. Penyunting menyusun ‘suara’ penulis yang selama ini tidak konsisten, atau

tidak diungkapkan dengan penuh.

Nur Adilla penulis yang rapi dan penuh dengan ingatan-ingatan yang menggenang dalam hidupnya. Setiap cerpen, beliau ingat cetusan ilhamnya. Maka saya fikir, mengapa tidak dihimpunkan cetusan-cetusan di sebalik cerita yang tertulis. Biar pembaca pun tahu, menulis tidak pernah kerja berangan, tetapi menulis ialah menghidupi hidup. Menulis adalah kerja mencerminkan dan memperaga sebahagian diri penulis. Seperti Nur Adilla lalui. Seperti yang terucap dalam cerpen-cerpennya.

Cerpen-cerpen Nur Adilla tidak sekadar fiksi atau dongengan, ia mencerminkan juga kondisi *craftswomanship* dalam ranah kesusasteraan Malaysia (setidak-tidaknya, menurut konteks di sini). Ia menambah ruang dalam usaha keserjanaan sastera saya dalam beberapa tahun belakangan ini. Saban pengalaman dan tahun, kecenderungan saya dalam mendekati gender dan kesusasteraan menjadi suatu semangat yang terserap masuk dalam kerja-kerja penyuntingan. Seboleh-bolehnya, saya ingin berada di belakang setiap pembikinan karya perempuan. Ia sebagai dokongan, sebagai ingatan kebersamaan sesama penulis. Boleh dikatakan, saya menyunting ramai karya penulis wanita sepanjang menempuhi kerjaya ini. Dan setiap kali itulah, pengalaman mengendali *craftswomanship* penulis-penulis wanita memang jadi rujukan penting. Apakah gender penting dalam hal penulisan? Barangkali mereka yang kurang memandang jauh sahaja akan merasakan keterlibatan gender dalam perbahasan, dalam tulisan, dalam pemikiran

dan pembangunan bahasa dan idea tidak penting; padahal ia sangat signifikan. Sangat penting meski menjadi penulis adalah pekerjaan yang sepatutnya '*genderless*'. Sebenarnya kita inginkan penulisan oleh wanita sebagai se bentuk perwakilan (*represent*) apakah maknanya menjadi perempuan secara sosial, budaya atau biologi. Perwakilan dalam tulisan menumbuhkan rangkaian semangat untuk wanita-wanita lain yang kurang mengerti peranan dan falsafah keperempuanannya. Nur Adilla mewakili perempuan dari berbagai perspektif dan situasi; perempuan mandul yang akhirnya dimadukan, perempuan yang dihalang untuk belajar, perempuan yang terhimpit dalam tafsiran relijius, perempuan yang ada keintiman dengan kekasih; dan kepelbagaian situasi itulah meletakkan saya dalam renungan dan kecenderungan pada hal-hal berkaitan gender dalam kesusasteraan.

Bagaimanakah kesarjanaan dalam bidang ini membangun lebih baik?

Dengan membenarkan tulisan-tulisan yang mewakili realiti dan keberadaan gender ini diterbitkan, dibacakan dan dibahasakan. Apatah lagi, dengan pengalaman sebenar Nur Adilla di beberapa negara dan dugaan-dugaan menjalani kehidupan sebagai perempuan, siswa, isteri, kawan, dan rakyat. Semuanya terungkap.

Barangkali kita terlalu melihat hal-hal stereotipikal dalam penulisan dan gender. Semisalnya perempuan harus menulis isu domestik, keibuan; dan inilah apa saya pergelutkan selama

saya menekuni perihal ini. Ia dikerdilkan menjadi stereotipikal, sedangkan penulisan membenarkan sesiapaupun mengheret segala macam benda, ia bukan hak perempuan atau hak lelaki. Tetapi tidak dapat tidak, peranan gender tetap terikat dengan penulisan. Kerana akar puncanya masih belum dibawa dalam wacana atau dialog yang wajar. Sepanjang kerjaya dan pengalaman saya sebagai penulis juga, kerap kali saya bergelut antara memikirkan tuntutan masyarakat terhadap perempuan versus kesedaran saya yang tersendiri. Maka, gender dan penulisan selalunya dibahas sepermukaan. Atau gender diperkecilkan dalam ruang intelek dan sastera dengan sekadar 'citra wanita', sedangkan gender adalah sebuah disiplin yang rumit dan multi-disiplin. Ada politiknya. Ada ekonominya. Semua itu harus menjadi tumpuan dalam penulisan juga, tak cuma perempuan, atau lelaki. Pengalaman mengenali Nur Adilla yang juga siswa Kajian Gender, beliau memuatkan kompleksiti gender dengan cerita-cerita yang mengalir sederhana, tetapi ada realiti di sebaliknya. Bukan sekadar perempuan, tetapi perspektif lelaki seperti Fazri Fansuri dan kelelakiannya. Seorang bapa yang menutup nyawa sendiri. Isu-isu gender, secara halus, timbul dalam cerpennya.

Begitu pengalaman menyunting kumpulan cerpen Nur Adilla ini, ia menyingkapkan jerih-payah, suka-duka dan keaslian pengalaman dan ilhamnya, yang akhirnya membukakan jalan dalam berbagai disiplin. Semisalnya, esainya 'Kematian Tumbuh Menjadi Pohon Sakura', semacam membawa sifat jurnalistik sasterawi dan juga unsur homaj. Ia hadir sebagai

sisipan yang mengikat kesemua cerpennya, menjadi jambangan bunga yang seimbang warna dan gubahan dedaunnya. Ia bukan sekadar hadiah untuk pembaca, tetapi hadiah untuk kesuburan sastera di lembah akademik. Membungkakan penulisan Nur Adilla di sini, dengan harapan, penulis lain yang barangkali senasib, merasakan diwakili dan dilihat. Dengan harapan, apa yang dicerpenkan akan dipertimbangkan dalam urusan-urusan kemanusiaan.

Suatu penghargaan untuk saya menyunting buku sulung Nur Adilla ini. Ia melebihi hal-hal menyunting dan menyusun, tetapi mengenali sosok penulis yang menanggung seribu pengalaman sebagai bekalannya. Dan saya senang berada dalam pengalaman yang satu ini.

Qurratul 'Ain

Penyunting

Prakata

*I wish I knew how it would feel to be free,
I wish I could break all the chains holding me,
I wish I could say all the things that I should say,
Say 'em loud, say 'em clear,
For the whole round world to hear.*

*I wish I could give all I'm longing to give,
I wish I could live like I'm longing to live,
I wish I could do all the things that I can do,
Though I'm way overdue, I'd be starting anew.*

— Nina Simone, 'I Wish I Knew How It Would Feel To Be Free'

Betapa ironinya. Tokyo adalah kota metropolitan terpadat dan terpadat di dunia. Tetapi alam saya di sini begitu senyap dan kecil.

Tokyo hakikatnya adalah sebuah kota yang sunyi. Kita dipaksa diam di dalam bus dan tren yang penuh orang. Kita disuruh membeli makanan dan minuman di mesin walaupun di restorannya ada pelayan dan juruwang. Awalnya, saya fikir betapa mudahnya hidup tanpa perlu bersemuka dan mengumpul

kudrat bersilat kata dengan umat manusia. Mungkin, formula keadilan dan keamanan adalah dengan mengurangi interaksi sesama kita.

Kesunyian di Tokyo memaksa saya untuk memperlahankan kendara hidup. Hidup saya selama ini macam *shinkansen*, merempuh laju, bersimpang siur dan kalut. Apabila terlalu sengap begini, saya jadi cuba belajar untuk berehat dan tidur sampai tengah hari. Saya biasakan semula untuk lama membaca di bawah pohon di taman-taman. Saya berjalan tak henti-henti. Saya tak betah dan kekal bekerja dan belajar sekaligus. Saya cuba membuat segalanya dan mengisi lompong slot masa dalam kalendar sepadat mungkin. Sedaya upaya, dengan melakukan segalanya menurut ukuran produktiviti kapitalisme, saya cuba menjemput riuh ke dalam ruang hidup saya di Tokyo.

Gagal. Memang takdir saya untuk diam-diam saja di sini.

Maka, saya pun mula membuat semula kerja-kerja orang yang sunyi. Menulis cerita adalah kerja orang sunyi.

Sebelum mula menulis, saya membaca tulisan-tulisan lama saya. Yang dikumpul dan dirumahan di sini sebagai kenangan kesunyian di masa lalu. Saya tahu kerja menulis saya selama ini adalah seperti kembang pohon sakura. Ditulis sekali-sekala ibaratnya pada musim bunga. Tetapi semangatnya tak bertahan lama. Seminggu atau paling lama, dua minggu, bunga sakura gugur laju dan batang pohonnya tinggallah di situ. Tak dihiraukan sesiapa sehinggalah tahun depan apabila musim

bunga tiba kembali.

Atau sebenarnya tulisan saya ini masih bertunas, dan mereka mahu tumbuh jadi pohon sakura.

Nur Adilla

Tokyo (Jepun), Kepala Batas (Pulau Pinang)

4 Mei 2024

1

Bapak Mati Bunuh Diri

BAPAK akhirnya mati. Bunuh diri.

Kata ibu, sekujur tubuh bapak merinding sejuk di ruang tamu Subuh tadi. Mustahil bapak direnggut serangan jantung semula jadi, atau dihunjam darah tinggi, sebab selama ini bapak memang sihat sekali. Ibu bersungguh memberitahu bahawa doktor telah mengabsahkan—Bapakmu kemungkinan besar terlalu tertekan dan mati bunuh diri—begitu mesej yang dikirim ibu.

Kebumi bapak lepas Asar.

Kau boleh pulang untuk tolong ibu mengurus?

Ibu macam tidak puas.

Bapakmu memang bunuh diri, ibu menambah lagi.

Setelah dimaklumkan tentang berita bapakku yang mati, aku menghubungi hospital dan meminta cuti kemudian aku kembali tidur di rumah. Ah, akhirnya, aku

sudah tidak perlu merasa bersalah atas apa-apa lagi. Sudah tidak perlu bersembunyi lagi selepas ini. Menang-menang, kata Durrah suatu ketika dahulu. Bapak akan merasa ringan dan aman bertemu Tuhan setelah membunuh diri.

Bapak lelaki yang tetap menang, Dur.

Aku mengiring ke kiri katil. Cahaya matahari yang dipotong ambal jendela begitu menghiris mata. Aku berkalih lagi dan ternampak pasu gelas di atas meja kamar digenangi melur, kesidang dan kemboja. Harnanto seperti tahu aku sedang kewalangan, meski aku belum memakluminya apa-apa. Lelaki Indonesia itu selalu fikir bunga semerbak wangi dari alam lingkungan punya kesaktian untuk mendiamkan sebarang kesakitan.

Aku meringkuk dan tidur kembali dan dihinggapi mimpi. Dalam dunia lena, aku dan ibu di kawasan perkuburan dalam kebaya merah nyonya. Ketika kami kecil, aku selalu mencemburui Durrah yang mungil dan selalu dipuji cantik oleh bapak setiap kali adikku itu memakai kebaya nyonya ini.

Durrah? Mana kau dik? Ke mari, bapak kita telah memenuhi janji!

“Bapak sayang pada kita semua. Pada kau, Durrah dan ibu.”

Maha Kuasa Tuhan mendengarkan aku suara ibu yang lembut merdu dengan kata-kata tajam sembilu. Apakah ibu masih pura-pura tak tahu?

Tiba-tiba hujan turun. Jenazah bapak yang sudah ada tergeletak di tepi kubur semakin menjadi basah. Kasur kubur digenangi air. Aku memandang ibu sebelum meloncat turun tujuh kaki dan bersedia untuk menarik tubuh bapak yang kufikirkan berat. Ia nyatanya begitu ringan.

Aku dan ibu hanya berpandangan. Kelegaan, dipayungi awan menghujan, aku dan ibu berbalas tangisan bersulam senyuman.

Mimpi tertabrak. Aku terbangun.

Ada bunyi kelentang-kelentung di dapur. Ah ya, Harnanto sudah punya kunci salinan rumah yang baru kubeli ini, bukan? Setiap pagi Jumaat, lelaki itu akan menghabiskan wang yang kutinggalkan di meja makan di pasar tani setelah subuhnya di masjid berdekatan. Wajarkah aku memberitahunya tentang bapak?

Setelah aku mengenali Harnanto tiga tahun dahulu dan bapak mengetahui tentang kerja-kerjanya Harnanto di rumahku, bapak memaksaku membawa Harnanto yang pandai serba serbi itu ke desa supaya boleh dipergunakannya